

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

ZSE 262/3 Geologi II

Masa : [3 jam]

Jawab KESEMUA EMPAT soalan.
Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. SAMA ADA

- (a) (i) Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi peluluhawaan kimia serta kesan-kesannya terhadap bumi ini.

(60/100)

- (ii) Bincangkan peranan iklim dan jenis batu terhadap pembentukan tanah.

(40/100)

ATAU

- (b) Tulis nota tentang perkara berikut:-

- (i) Bagaimana sungai dan gerakan massa bekerjasama menghakiskan permukaan tanah.

(35/100)

- (ii) Liku dan tasik ladam sungai.

(35/100)


- (iii) Keadaan-keadaan geologi yang mempunyai kemungkinan tinggi berlakunya luncuran tanah.

(30/100)

2. (a) (i) Apakah kepentingan keliangan, ketelapan dan aras air tanah di dalam kajian hidrologi?

(35/100)

...2/-



(ii) Nyatakan hukum Darcy bagi gerakan air tanah dan hitungkan kecerunan hidrolik di antara telaga A dan B di dalam keratan rentas geologi di dalam rajah di atas.

(15/100)

(b) Mulai daripada susunan penghabluran yang diberi oleh siri tindakbalasan Bowen, tunjukkan bahawa kebezaan magma boleh mengakibatkan tiga jenis longgokan bijih magmatik yang berekonomik.

(50/100)

3. Dengan bantuan gambarajah-gambarajah yang jelas dan sesuai bincangkan keadaan-keadaan tentang pembentukan

(a) timbunan bijih plaser (contoh: emas atau kassiterit).

(50/100)

(b) timbunan bijih peluluhawaan (contoh: laterit atau bauxit).

(50/100)

4. Pilih SATU dan karangkan:

(a) Keasalan dan pemindahan minyak.

(100/100)

(b) Geologi Semenanjung Malaysia pada zaman Paleozoik Bawah.

(100/100)

(c) Konsep pembinaan suatu benua.

(100/100)